

ORIENTASI DAN MOTIVASI PELAJAR DALAM PEMBELAJARAN BAHASA SEPANYOL

ABSTRAK

Kajian ini dilaksanakan ke atas pelajar yang mengikuti kursus bahasa Sepanyol di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Secara umumnya, penyelidikan dijalankan untuk mengenalpasti sikap pelajar di dalam pembelajaran bahasa Sepanyol. Kajian ini memfokuskan ke atas pembolehubah orientasi dan motivasi yang berkait dengan pembelajaran bahasa Sepanyol iaitu (i) orientasi integratif, (ii) orientasi instrumental, dan (iii) motivasi. Sampel kajian ini meliputi 73 orang pelajar iaitu 30 orang pelajar Melayu, 30 orang pelajar Cina dan 13 orang pelajar India yang dipilih secara rawak dari tahap satu kursus bahasa Sepanyol tersebut. Data telah diambil dengan menggunakan 15 item soal selidik yang telah diadaptasi dari Gardner (1985) *Attitude and Motivation Test Battery (AMTB)* dan empat item lagi telah direka oleh pengkaji. Data dianalisa dengan menggunakan Pakej Statistik untuk Sosial Sains (SPSS) 14. Statistik deskriptif dan inferensi digunakan untuk menganalisis soalan-soalan kajian.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar berorientasi yang positif dan negatif dan memiliki motivasi yang tinggi di dalam pembelajaran bahasa Sepanyol. Di antara pembolehubah orientasi, orientasi instrumental menunjukkan lebih positif mempengaruhi pembelajaran bahasa berbanding orientasi integratif. Kedua-dua jenis pembolehubah orientasi dan motivasi menunjukkan tiada hubungan langsung yang signifikan dengan gred peperiksaan mereka. Melalui analisis ANOVA, menggambarkan dua item orientasi integratif dan lima item motivasi menunjukkan perbezaan yang signifikan di antara kumpulan etnik.

Dicadangkan agar penyelidikan lanjut dijalankan dengan melibatkan jumlah responden yang lebih besar.

STUDENT'S ORIENTATIONS AND MOTIVATION IN SPANISH LANGUAGE LEARNING

ABSTRACT

This study was carried out among students who had enrolled in a Spanish language course at Faculty of Modern Language and Communication, University Putra Malaysia. In general, the research was carried out to identify student's attitudes towards the learning of the Spanish language. The focus of the study is specifically on orientation and motivation variables related to learning Spanish. They are (i) integrative orientation, (ii) instrumental orientation, and (iii) motivation. The sample for the research consisted of 73 students comprising 30 Malays, 30 Chinese and 13 Indians, randomly selected from the first level of Spanish course. The data was collected using 15 items of questionnaires adapted from Gardner's (1985) *Attitude and Motivation Test Battery (AMTB)* and four more items were created by researcher. The data was analyzed using the Statistic Package for Social Science (SPSS) 14. Descriptive and inferential statistics were used to analyze the data.

The findings showed that the students have positive and negative orientation and high motivation in learning the Spanish language. Among the orientation variables, instrumental orientation appears to have more positive influence on language learning than the integrative orientation. Both orientations and motivation variables reveal a null relationship with their Spanish grades. The ANOVA analysis, showed that two items of integrative orientation and five items of motivation depicted significance difference between the three ethnic groups.

It is suggested that further investigations should be carried out with a larger number of respondents.